

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Friday, August 4, 2017 5:47 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Universiti Bertindak Membantu Dalam Pertahanan Keselamatan Negara



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



04 OGOS 2017 / 11 ZULKAEDAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UNIVERSITI BERTINDAK MEMBANTU DALAM PERTAHANAN KESELAMATAN NEGARA



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Naib Canselor, Kol (K) Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak telah menyampaikan ucap terna bertajuk 'Kerjasama Universiti Awam dan TUDM Dalam Konteks Memperkasa Pertahanan Awam' di Wisma Perwira ATM, pagi tadi.

Ucap terna tersebut sempena Simposium Pegawai Kehormat Pasukan Simpanan Sukarela TUDM (PSSTUDM) dan Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Tauliah Kehormat PSSTUDM yang disempurnakan Panglima Tentera Udara, Jeneral Dato' Seri Affendi Buang.

Naib Canselor berkata, UUM merupakan universiti pertama menubuhkan pasukan PALAPES Udara pada 1988 dengan nama asalnya Skuadron Udara Universiti (SUU).

Katanya, pada usia mencecah 30 tahun itu sudah cukup lama dan membolehkan satu penilaian dibuat bagi program PALAPES dalam konteks pertahanan dan kepentingan kepada agenda pertahanan negara.

"Dalam aspek HANRUH (Pertahanan Menyeluruh) iaitu strategi pertahanan negara yang melibatkan setiap agensi kerajaan dan masyarakat, UUM turut tidak ketinggalan memainkan peranan dalam HANRUH.

"Peranan universiti dalam HANRUH merangkumi hampir kesemua strategi seperti kesiagaan keselamatan melalui PALAPES; keutuhan dan perpaduan masyarakat dengan penawaran kursus wajib seperti Kenegaraan Malaysia dan Hubungan Etnik; kesiagaan awam menerusi kuliah umum, seminar dan bengkel; daya tahan ekonomi dan ketahanan psikologi," katanya.

Beliau berkata, pertahanan jiwa juga merupakan sebahagian aspek strategi NBOS yang membolehkan pemerkasaan aspek pertahanan negara.

Selain itu, katanya, aspek kesiagaan keselamatan sangat penting untuk menanam elemen kesedaran dalam kalangan masyarakat bahawa isu keselamatan negara tidak boleh diambil kesempatan dan ia juga bukan isu angkatan tentera sahaja.

"Aspek kesiagaan keselamatan dalam kalangan rakyat perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa dan di sini, PALAPES di universiti turut memainkan peranan.

"Pada masa sama, kesiagaan awam juga perlu disedarkan terutamanya tentang ancaman pengganas yang menggugat hampir seluruh dunia sekarang bukan sahaja menjadi masalah angkatan tentera atau polis, malah masyarakat," ujar beliau.

Selain itu, Naib Canselor menekankan tentang daya tahan ekonomi dan pertahanan psikologi.

Sehubungan itu, menurut beliau, Kementerian Pertahanan perlu wujudkan PALAPES di universiti bagi menanam semangat patriotik dalam kalangan siswa melalui latihan ketenteraan.

Dalam ucap terna itu juga, Naib Canselor menerangkan tentang sumbangan universiti khususnya UUM dalam pertahanan, aktiviti yang dijalankan TUDM dan PALAPES universiti, cabaran dalam pertahanan dan perancangan masa hadapan.

Sebelum itu, turut diadakan pemakaian pangkat Pegawai Kehormat PSSTUDM oleh Panglima Tentera Udara, diikuti pembentangan kedua dan sesi dialog.

Hadir sama Raja DiHilir Perak DYAM Raja Brigd Jen Raja Dato Seri Iskandar Dzulkarnain Ibni

Almarhum Sultan Idris Shah; Panglima TUDM; Timbalan Pendaftar UUM, Lt. Kol. (K) Baharudin Yaacob dan pegawai-pegawai kanan TUDM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.